

Perbadanan Labuan tidak lupakan anggota barisan hadapan

LABUAN: Perbadanan Labuan (PL) mengagihkan 500 pek bungkusan kuih raya kepada anggota barisan hadapan yang bertugas semasa cuti Hari Raya Aidilfitri bagi menangani penularan wabak COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr. Fary Akmal Osman, berkata sumbangan itu sebagai tanda penghargaan Perbadanan Labuan kepada petugas barisan hadapan yang membatik pelbagai agensi yang bertugas sepanjang cuti Aidilfitri.

"Perbadanan Labuan berharap sumbangan ini akan dapat menceriakan

mereka yang bertugas pada Syawal kali ini bagi menangani wabak COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyerahkan sumbangan kuih raya kepada anggota keselamatan Sekatan Jalan Raya (SJR) di pusat bandar baru-baru ini.

Antara agensi lain yang menerima sumbangan tersebut ialah Jabatan Kastam Labuan dan Jabatan Kesihatan Labuan yang bertugas di Terminal Feri Kenderaan Labuan, Bahagian Penguatkuasa Perbadanan Labuan, Pusat Kawalan Operasi Bencana Wilayah Persekutuan Labuan (PKOB), anggota

Jabatan Bomba dan Penyelamat, petugas Sukarelawan Malaysia (RELA), Anggota Pertahanan Awam (APM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Turut menerima sumbangan tersebut ialah para petugas Pusat Kuarantin Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan 26 individu yang masih menjalani proses kuarantin di pusat itu serta petugas Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB)," katanya.

Pada masa sama, Dr Fary turut menyerahkan bungkusan kuih raya kepada pekerja Unit Tapak Perlupusan Sampah dan Unit Landskap Perbadanan Labuan.



KUIH RAYA: Dr. Fary menyampaikan sumbangan kepada anggota pasukan keselamatan sempena Aidilfitri.